

NOTA UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA**:**

EKSPO TVET@KKDW 2026

TARIKH/MASA:

25 OKTOBER 2026 (AHAD)

11.00 PAGI

TEMPAT:

STADIUM SUNGAI BESAR, SELANGOR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

(SALUTASI)

MUKADIMAH

1. Dalam lawatan saya ke beberapa negara perindustrian maju seperti Jerman, Jepun dan China - antara perkara yang sentiasa menarik perhatian saya ialah bagaimana pembangunan tenaga mahir menyokong kemajuan industri mereka.

2. Negara-negara ini mempunyai kekuatan industri masing-masing, tetapi asas yang menyokong kemajuan mereka adalah sama iaitu **institusi pendidikan dan industri mesti bergerak seiring untuk melahirkan tenaga mahir yang diperlukan.**

3. Kita belajar daripada pengalaman terbaik dunia dan membina kekuatan sendiri. Sebab itu**, saya sentiasa meletakkan TVET sebagai keutamaan** agar anak-anak Malaysia mendapat akses kepada latihan berkualiti, menguasai teknologi baharu dan membina kerjaya berpendapatan tinggi.

4. Hari ini di Sungai Besar, kita membawa peluang tersebut lebih dekat kepada anak-anak desa. Pelbagai peluang kemahiran terhidang di hadapan mata. Berjumpa sendiri dengan tenaga pengajar dan wakil industri. Ibu bapa juga boleh mendapat gambaran jelas tentang latihan serta potensi masa depan kerjaya anak mereka sekaligus memberi keyakinan bahawa TVET bukanlah pilihan kedua lagi.

5. Inilah **Agenda TVET Nasional** yang sedang kita jayakan. Kita mahu membina masa depan yang membolehkan anak desa menguasai teknologi, memperoleh pendapatan yang baik dan membina perusahaan sendiri. *Only through a leap in skills and technological mastery we can drive Malaysia towards becoming a modern and developed nation*.

PELABURAN BERKUALITI, KERJAYA BERGAJI TINGGI

6. Malah, peluang untuk anak-anak TVET semakin luas apabila industri berkembang di Malaysia. Bagi separuh pertama 2026, **MIDA merekodkan RM218.5 bilion pelaburan diluluskan** yang berpotensi mewujudkan 99,030 pekerjaan apabila dilaksanakan sepenuhnya. Daripada jumlah pekerjaan ini, 65.2 peratus adalah dalam sektor berkaitan kemahiran.

7. Kemudian lihat *how our semiconductor industry is growing*. Melalui Strategi Semikonduktor Nasional, **Malaysia menyasarkan pembangunan 60,000 jurutera berkemahiran tinggi menjelang 2030.** Perkembangan industri ini pastinya membuka laluan kepada juruteknik dan tenaga mahir yang menyokong operasinya. Ertinya, anak-anak TVET mempunyai peluang yang cukup besar di hadapan mereka.

8. Tetapi persoalannya, *are we ready? Adakah kita sudah mempunyai tenaga mahir yang mencukupi untuk merebut semua peluang ini?*

9. Kalau tanya saya.. *we have a lot of work to do*. Ya, kita mempunyai bakat dan keupayaan, tetapi latihan perlu dipercepat dan disesuaikan dengan keperluan industri. ***The opportunities are growing. Our skills must keep pace.***

10. Sebab itu, institusi TVET dan industri mesti merancang bersama sejak awal. Kita perlu mengetahui kemahiran yang diperlukan sebelum pengambilan pelatih, menyediakan latihan menggunakan peralatan yang relevan dan membina laluan terus kepada pekerjaan.

11. Kerajaan sedang memperkukuh persediaan ini dengan meningkatkan peruntukan TVET daripada RM7.9 bilion tahun ini kepada RM8 bilion dalam Belanjawan 2027. Peruntukan ini adalah untuk memperkukuh keseluruhan ekosistem, daripada kemudahan latihan dan kompetensi pengajar hinggalah kepada kebolehpasaran graduan.

12. Namun, usaha Kerajaan sahaja tidak mencukupi. Kerajaan memerlukan penglibatan langsung industri untuk menjayakannya. Kerjasama MARA melalui Malaysia-China Institute dengan Samsung SDI Energy Malaysia menunjukkan pendekatan ini.

13. Melalui Program Fast Track & Direct Industry Intake, 200 graduan TVET MARA diberi laluan memasuki industri bateri kenderaan elektrik dengan pakej gaji sekurang-kurangnya RM3,500 sebulan. *A premium starting salary.*

14. Inilah juga lah ekosistem yang mesti kita bina bersama. Kerajaan menyediakan sokongan, institusi membangunkan kemahiran dan industri membuka laluan kerjaya. Insya-Allah, dengan persediaan yang tersusun, kita mampu memenuhi keperluan apa jua pelaburan yang masuk ke dalam negara. ***When investors choose Malaysia, they must also find Malaysians ready to lead.***

KERJASAMA ANTARABANGSA, KEPAKARAN TEMPATAN

15. Justeru, untuk menyediakan tenaga mahir yang mampu memenuhi keperluan industri, kita juga perlu memperluas akses kepada teknologi dan kepakaran dunia. Inilah tujuan kerjasama TVET yang saya usahakan dalam setiap kali lawatan ke luar negara.

16. Baru-baru ini ketika pertemuan dengan Tuan Yang Terutama Ding Xuexiang, Timbalan Perdana Menteri China - mereka menyatakan hasrat memperluas pemindahan teknologi dan pengetahuan ke Malaysia, termasuk melalui projek ECRL dan sektor kenderaan elektrik.

17. ***Our intention is to turn global partnerships into local expertise.*** Kita mahu anak-anak Malaysia mampu mengendalikan, menyelenggara dan akhirnya membangunkan teknologi sendiri.

18. Malah di sana, sebagai wakil negara saya telah **mencadangkan penubuhan Majlis TVET Dunia** bagi membina kerjasama berterusan dalam pembangunan standard, pertukaran kepakaran dan pengiktirafan kemahiran supaya kelayakan anak Malaysia mempunyai nilai merentas sempadan.

19. Kerjasama ini juga sedang kita terjemahkan di dalam negara. Kampus Malaysia-China Institute di Bagan Datuk yang sedang dibangunkan nanti disasarkan untuk menampung sehingga 2,000 pelajar dalam 18 bidang keutamaan.

20. Inilah makna kerjasama antarabangsa kepada masyarakat desa: anak-anak kita mendapat akses kepada latihan dan teknologi yang membuka masa depan lebih luas. **Kita membawa kepakaran dunia ke desa, supaya anak desa mampu mencipta kejayaan di pentas dunia.**

MEMBUDAYAKAN KECEMERLANGAN DI INSTITUSI TVET

Hadirin sekalian,

21. Percayalah, apabila kita membuka akses kepada latihan bertaraf dunia, anak-anak kita mampu membuktikan kebolehan mereka. Pada pertandingan WorldSkills Shanghai 2026 September lalu, Malaysia meraih satu pingat gangsa dan 13 *Medal for Excellence*. Enam daripada penerima *Medal for Excellence* tersebut ialah pelatih institusi TVET di bawah KKDW. Tahniah kepada semua yang terlibat.

22. Saya mahu pengalaman tersebut dikongsi supaya lebih ramai pelatih mendapat manfaatnya. Justeru, saya mengamanahkan Ketua Pegawai Eksekutif GIATMARA, Datuk Ts. Ahmad Hamdi Ibrahim, selaku *Strategic Team Leader* negara, untuk menyelaras perkongsian kaedah latihan dan penilaian pertandingan dalam kalangan institusi TVET KKDW.

23. *But we must think beyond, think further*. Hari ini kita memperkukuh penguasaan AI, tetapi kita juga mesti bersedia untuk teknologi yang bakal membentuk masa depan. Sebab itu, ketika di UiTM baru-baru ini, saya mencadangkan penubuhan Jabatan Kuantum yang boleh berkembang menjadi sebuah fakulti.

24. Semangat yang sama mesti diterapkan di institusi TVET KKDW. Pengajar perlu mendapat pendedahan lebih awal, kurikulum mesti sentiasa diperbaharui dan kerjasama industri perlu membuka akses kepada teknologi baharu. Kita mesti melatih anak-anak untuk keperluan hari ini, sambil menyediakan mereka bagi peluang hari esok.

25. ***We must prepare our young people to lead the next wave of technology.*** Itulah ukuran kecemerlangan yang mahu kita bina… keupayaan anak-anak kita dalam mencipta dan menerajui masa depan yang tiada sempadan.

TIGA INISIATIF STRATEGIK TVET KKDW

Hadirin sekalian,

26. Untuk membawa hala tuju ini ke peringkat pelaksanaan, saya menggariskan tiga inisiatif strategik TVET KKDW secara berfasa.

27. **Pertama, Perjanjian Kerjaya Premium TVET KKDW.** Bagi program terpilih… kompetensi, syarat penempatan dan pakej gaji perlu dipersetujui bersama majikan sebelum pengambilan pelatih. Industri mesti terlibat dalam kurikulum serta penilaian. Saya mahu

kerjasama ini menghasilkan padanan pekerjaan yang baik, gaji permulaan setimpal dan laluan kemajuan kerjaya.

28. **Kedua, TVET Jana Desa.** Kita mahu graduan membina perusahaan teknikal dan membuka pekerjaan di daerah sendiri. Di Sungai Besar contohnya, penyelenggaraan jentera pertanian, pam dan sistem penyejukan mempunyai nilai ekonomi setempat. Lengkapkan mereka dengan bimbingan perniagaan, akses pembiayaan dan peluang pasaran supaya kepakaran dapat berkembang menjadi perusahaan yang membuka pekerjaan.

29. **Ketiga, Bengkel Pintar dan Hijau TVET@KKDW.** Bengkel institusi perlu menjadi tempat pelatih, pengajar dan industri membangunkan penyelesaian bersama. Projek gunaan seperti pemantauan mesin, automasi AI dan kecekapan tenaga mesti membantu usahawan desa meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos.

30. Usaha ini melengkapi sasaran Belanjawan 2027 untuk menempatkan 1,000 belia Bumiputera melalui MARA dalam sektor berpertumbuhan tinggi, serta memanfaatkan kemahiran pendawaian GIATMARA bagi membaik pulih pendawaian di 20,000 rumah keluarga miskin.

31. Saya mahu KKDW bersama agensi pelaksana dan rakan industri memperincikan institusi terlibat, pembiayaan serta sasaran keberhasilan. Pelaksanaannya mesti dapat dipantau dan manfaatnya sampai kepada kumpulan sasaran.

PENUTUP

32. Kepada anak-anak muda, rebutlah peluang yang terbentang ini. Pilih bidang dengan bersungguh-sungguh, asah kemahiran sehingga menjadi kepakaran dan jagalah amanah dalam setiap pekerjaan. Kepada ibu bapa, berilah keyakinan dan sokongan untuk mereka melangkah melalui TVET.

33. Dari Sungai Besar ini, saya mahu anak-anak desa berani memasang cita-cita besar. **Biar bermula di bengkel desa, akhirnya mencipta teknologi, membina perusahaan dan menerajui industri dunia.** Inilah masa depan yang mahu kita bina bersama melalui TVET.

34. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Ekspo TVET@KKDW 2026.**

Sekian, terima kasih.
Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.